

|             |                                  |            |         |
|-------------|----------------------------------|------------|---------|
| Headline    | Tekad PROTÉGE' lahirkan usahawan |            |         |
| MediaTitle  | Kosmo                            |            |         |
| Date        | 12 Feb 2019                      | Language   | Malay   |
| Circulation | 155,996                          | Readership | 467,988 |
| Section     | Negara                           | Page No    | 7       |
| ArticleSize | 810 cm <sup>2</sup>              | Journalist | AHMAD   |
| PR Value    | RM 63,305                        |            |         |



REDZUAN menyampaikan ucapan pada Majlis Pelancaran PROTÉGE 2019 di Kuala Lumpur baru-baru ini.



REDZUAN (tiga dari kiri) diiringi Mohd. Hatta (dua dari kiri) dan Moggie (kiri) melakukan simbolik perasmian dalam Majlis Pelancaran PROTÉGE 2019.

# Tekad PROTÉGE' lahirkan usahawan

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**K**UALA LUMPUR - Agensi Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGE) nekad untuk melahirkan lebih ramai usahawan di negara ini selepas melalui proses transformasi dengan penam-bahan program-program baru bermula tahun ini.

Dahulunya dikenali sebagai Skim Latihan Malaysia (SLIM), PROTÉGE diberikan nafas baharu dengan penekanan kepada latihan keusahawanan bagi mencapai hasrat tersebut.

Menerusi penekanan ini, galakan diberikan kepada para belia dan membuka minda mereka untuk menceburi bidang usahawan sebagai alternatif punca pendapatan selain daripada makan gaji. Seiring dengan objektif ke-10 Rangka Kerja Keusahawanan (NEF) Strategik iaitu penerapan Kemahiran Keusahawanan untuk Golongan Belia yang Mengang-gur.

Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd. Redzuan Yusof berkata, langkah itu adalah bagi mengatasi ke-kangan peluang pekerjaan.

"Seramai 51,580 graduan daripada Universiti Awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta tidak mendapat pekerjaan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian.

"Sementara pada tahun 2016 dan 2017, lebih 72,000 pekerja dibuang kerja, kebanyakan daripada sektor pembuatan terutamanya kategori pekerja operator, pemasang loji dan mesin.

"Kementerian berpenda-

**protége**

pat penyelesaian terbaik untuk menangani isu kekangan pekerjaan ini ialah dengan melatih lebih ramai usahawan untuk membuka ruang minda bahawa menjadi usahawan juga boleh menjadi alternatif pencarian rezeki yang baik selain kerja makan gaji," katanya semasa berucap pada Majlis Pelancaran PROTÉGE 2019 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Dr. Mohd. Hatta Ramli; Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan, Wan Suraya Wan Mohd. Radzi; Ketua Sekretariat PROTÉGE, Norashikin Datuk Ismail; Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie; Presiden TNB, Datuk Seri Azman Mohd. dan Ketua Pegawai Insan TNB, Datuk Muhammad Razif Abd. Rahman.

Beliau berucap di hadapan kira-kira 2,000 peserta program dan 600 daripadanya adalah daripada PROTÉGE-TNB 2019.

Menerusi penjenamaan semula tersebut, PROTÉGE bakal memperkenalkan lapan program iaitu PROTÉGE Entrepreneurship Intern; PROTÉGE Boot-camp; PROTÉGE Business Accelerator; PROTÉGE Co-op; PROTÉGE in ICT; PROTÉGE Ready To Work; PROTÉGE Booster dan PROTÉGE for Industry.

"PROTÉGE akan membantu graduan dalam latihan pekerjaan dengan penempatan di industri dengan lima modul wajib latihan *soft skills*



PARA peserta yang hadir dalam Majlis Pelancaran PROTÉGE 2019 di Kuala Lumpur.

dan yang terkini iaitu tambahan dua modul baharu dalam bidang keusahawanan yang perlu disediakan oleh syarikat yang dilaksanakan di bawah PROTÉGE Ready-To-Work," jelasnya.

Tambah Mohd. Redzuan, program-program ini juga akan menambah nilai kepada peserta program yang tidak mendapat pekerjaan.

"Seramai 226,251 peserta telah terlibat dalam program ini meliputi latihan SLIM di syarikat, sesi motivasi, program Outreach dan temu duga secara terus oleh syarikat.

"70 peratus daripada 132,261 peserta telah ditawarkan pekerjaan, manakala baki 30 peratus lagi tidak diserap dan tidak mendapat sebarang tawaran pekerjaan daripada syarikat. Jumlah ini akan dibantu oleh PROTÉGE,"

ujarnya.

Kecuali program Ready-To-Work yang disasarkan kepada pemegang diploma ke atas, kesemua program di bawah PROTÉGE itu turut disasarkan kepada beberapa golongan berbeza mengikut pengkhususan program bagi pelatih daripada peringkat pelajar, lepasan sekolah, diploma sehingga ijazah dan ke atas terutamanya bagi mereka yang datang daripada keluarga berpendapatan rendah atau berasal dari luar bandar.

Dalam pada itu, rakan-rakan strategik PROTÉGE sedia ada termasuklah syarikat-syarikat berkaitan kerajaan, syarikat swasta dan syarikat mendapat kontrak perolehan kerajaan selain syarikat baharu seperti syarikat program pembangunan vendor, syarikat industri kecil dan sederhana, Innova-

tion Development Entrepreneur Start-Ups dan badan-badan koperasi.

Menurut Mohd. Redzuan, PROTÉGE juga akan memperkemas kerjasama dengan agensi-agensinya di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dalam pelaksanaan program-program yang telah diatur di samping membantu memberi kemudahan kepada para belia bagi mengembangkan perniagaan ke peringkat yang lebih tinggi.

**INFO** Program terkini PROTÉGE

• 16 Februari: Satu Daerah Satu Industri (SDSI) di Terengganu Trade Centre, Kuala Terengganu, Terengganu dari pukul 1 petang hingga 3.30 petang